

Dr. Mahathir tegur sikap membisu ulama

UM 3 1 MAR 2000

JITRA 30 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegur sikap sesetengah ulama dan golongan berpengetahuan agama yang hanya membisu apabila Pas mengeluarkan beberapa 'fatwa' menyalahi ajaran Islam kerana takut dicap anjing kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, golongan tersebut mendiamkan diri kerana takut dianggap menyokong UMNO atau tidak mahu terlibat dalam kontroversi.

Beliau berkata, keadaan ini sebenarnya menguntungkan Pas kerana dengan cara ini mereka dapat meyakinkan orang ramai bahawa segala dakwaan palsu itu adalah benar.

"Saya yakin mereka (ulama) tahu bahawa Tuhan tidak mencarut, apa yang Nik Aziz (Menteri Besar Kelantan) cakap itu tidak benar. Tetapi mereka tidak kata apa.

"Apabila mereka tidak tegur dan kita berdiam diri, maka Pas dapat yakinkan dakwaan palsu mereka itu," kata Dr. Mahathir semasa berucap menggalang perbincangan di akhir mesyuarat UMNO bahagian Kubang Pasu, di sini hari ini.

Sehubungan itu Perdana Menteri berkata, mereka yang tidak mempunyai sijil dan pengetahuan agama yang tinggi juga berhak menegur sebarang ajaran yang bertentangan dengan Islam.

"Saya tidak segan mengaku bahawa semua dari-

pada kita mempunyai asas agama dan berhak menyebut perkara ini," ujarnya.

Dr. Mahathir menegaskan, jika tidak ada golongan yang berani bersuara menentang penyelewengan tersebut, maka Pas dapat 'cucuk hidung' semua orang supaya mengikut mereka.

"Maka kita yang berdiam diri ini akan berdosa," tegasnya.

Beliau menambah, seseorang itu tidak semestinya pakar dalam Islam untuk membuat teguran terhadap perkara-perkara asas yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Beliau juga menarik perhatian para perwakilan dengan mengemukakan tiga soalan mengenai perkara asas dalam Islam dan meminta mereka menjawabnya.

"Apakah tuan-tuan percaya bahawa tuan-tuan tidak beragama Islam kerana tidak menyokong Pas. Ada sesiapa yang berkata, dia tidak dapat ke syurga kerana tidak pangkah (undi) Pas semasa pilihan raya.

"Apakah tuan-tuan percaya Tuhan mencarut dengan bahasa jijik dan kotor seperti yang digunakan oleh Shahnnon Ahmad," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, semua orang Islam mengaku bahawa mereka orang Islam dan berhak ke syurga, manakala Tuhan pula tidak mencarut kerana semua itu adalah perkara asas yang diketahui oleh semua orang Islam.